



PKPP AGRO SDN. BHD.

POLISI MINYAK SAWIT MAMPAN MALAYSIA

PKPP Agro Sdn. Bhd. sebagai industri perladangan yang mesra alam di Malaysia komited untuk melaksanakan semua Prinsip dan Kriteria yang ditetapkan oleh Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) yang meliputi :

- Komitmen dan Tanggungjawab Pihak Pengurusan
- Ketelusan dan Kebolehpercayaan
- Mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang berkaitan
- Tanggungjawab Sosial, tempat kerja yang selamat dan sihat untuk pekerja kami
- Persekutaran, sumber asli, sistem biodiversiti dan Perkhidmatan Sistem Eko
- Amalan terbaik
- Penyelesaian aduan dan rungutan secara telus dan adil
- Pelaksanaan pembakaran sifar dan amalan pertanian baik
- Memastikan pulangan yang sihat kepada pihak berkepentingan
- Pembangunan Penanaman Baru

PKPP Agro akan berusaha untuk mencapai keseimbangan antara Insan, Alam dan Laba dalam semua keputusan dan operasi pengurusan melalui program berterusan.

Dengan prinsip-prinsip di atas, pihak kami komited terhadap :

- Penghasilan produk sawit yang mampan
- Penambahbaikan berterusan
- Pematuhan kepada perundangan
- Perlaksanaan sistematik terhadap pembangunan yang lestari

Tarikh : 2 Januari 2019


.....
ZAMERI BIN UYOB
Pengurus Besar
PKPP Agro Sdn. Bhd.



POLISI KELESTARIAN

Kami warga PASB komited melaksanakan operasi pengurusan ladang yang cekap dan berkesan dalam pengeluaran buah tandan segar (BTS) berkualiti tinggi dengan mematuhi segala keperluan dan prinsip MSPO MS 2530-3:2013 yang berteraskan kesejahteraan masyarakat (People), penjagaan alam sekitar (Planet) dan keuntungan organisasi (Profit) melalui penambahbaikan yang berterusan.

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'ZAMERI BIN UYOB'.

ZAMERI BIN UYOB

Pengurus Besar

PKPP Agro Sdn. Bhd.



PKPP AGRO SDN. BHD.

POLISI SOSIAL DAN HAK ASASI MANUSIA

PKPP Agro Sdn. Bhd. akan sentiasa memastikan produk yang dikeluarkan dan diproses perlulah memenuhi kualiti dan piawai keperluan sedunia. Syarikat juga mengakui bahawa kelakuan sosial yang baik dan keperluan hak asasi manusia diantara pekerja-pekerja, kontraktor dan masyarakat setempat terutamanya yang tinggal disekitar ladang kami perlulah dihormati.

PKPP Agro Sdn. Bhd. menggalas tanggungjawab bukan sahaja sebagai pengeluar yang mampan, tetapi juga komited untuk menggalakkan dan melindungi amalan-amalan sosial yang baik dan hak asasi manusia melalui :

- Mematuhi undang-undang dan peraturan-peraturan buruh yang berkaitan.
- Komitmen kepada ILO, Malaysia.
- Melaksanakan perjanjian yang adil tanpa penggantian kontrak.
- Memberi orientasi kepada pekerja baru.
- Tidak mengambil pekerja secara paksaan atau pemerdagangan.
- Perlindungan terhadap kanak-kanak, larangan pengambilan kanak-kanak / pekerja di bawah umur untuk bekerja.
- Membayar gaji yang mematuhi Perintah Gaji Minima dan menghormati gaji hidup
- Memberi kediaman yang sesuai.
- Menghormati amalan sosial persekitaran.
- Menghormati undang-undang hak milik tanah dari segi penggunaan tanah dan penanaman.
- Komitmen untuk menyelesaikan konflik sosial dan memberi pampasan yang setimpal bagi masyarakat, jika ada.
- Menghormati hak-hak untuk berpersatuan dan menyertai kesatuan.
- Menghormati hak-hak untuk hidup dengan kehidupan bebas tanpa diskriminasi.
- Menghormati hak-hak kebebasan beragama dan mengamalkan kepercayaan.
- Menghormati hak-hak untuk bebas daripada prasangka atas dasar kaum, jantina, negara asal, warna atau umur.
- Menghormati hak-hak kebebasan untuk bersuara.
- Menghormati dan melindungi hak reproduksi.

Tarikh : 2 Januari 2019


ZAMERI BIN UYOB
Pengurus Besar
PKPP Agro Sdn. Bhd.



PKPP AGRO SDN. BHD.

POLISI KESELAMATAN DAN KESIHATAN

PKPP Agro Sdn. Bhd. bertanggungjawab untuk mewujudkan suasana kerja yang harmoni, selamat dan sihat untuk semua pekerja-pekerjanya. Demi mencapai matlamat tersebut, kami akan memastikan perkara-perkara berikut :

- Mematuhi semua perundangan dan peraturan berkaitan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.
- Setiap kakitangan, kontraktor dan pekerja bertanggungjawab untuk menjaga keselamatan dan kesihatan diri masing-masing dan rakan-rakan sekerjanya semasa bekerja.
- Setiap kakitangan, kontraktor dan pekerja hendaklah mematuhi peraturan -peraturan ladang dan Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerja (1994) yang berkenaan dengan hal-hal keselamatan dan kesihatan.
- Membentukkan sistem proses dan kerja yang lebih selamat, demi meningkatkan kecekapan dan produktiviti bagi mewujudkan suasana kerja yang lebih baik, sihat dan selamat.
- Sentiasa mengadakan latihan dan kempen kesedaran mengenai program keselamatan dan kesihatan kepada semua pihak yang terlibat.
- Sentiasa mengaudit dan mengkaji semula sistem pengurusan program keselamatan dan kesihatan untuk memastikan ia kekal sesuai dan wajar diguna pakai.

Tarikh : 2 Januari 2019


.....
ZAMERI BIN UYOB
Pengurus Besar
PKPP Agro Sdn. Bhd.



PKPP AGRO SDN. BHD.

ALAM SEKITAR DASAR ALAM SEKITAR

Bagi mewujudkan, melaksanakan dan mengekalkan Sistem Pengurusan Alam Sekitar(SPAS) di PASB, kami komited untuk :

1. Mematuhi semua perundangan dan peraturan alam sekitar berkaitan dengan sektor perladangan.
2. Melindungi dan memelihara flora dan fauna dengan penambahbaikan sistem secara berterusan.
3. Mencegah pencemaran udara, perairan, dan tanah tanih dengan menguruskan sisa bahan buangan berdasarkan undang - undang yang ditetapkan.
4. Memastikan latihan, maklumat, arahan dan larangan berkaitan alam sekitar diberikan kepada kakitangan, pekerja, kontraktor, pelawat dan pihak berkepentingan.
5. Memberi keutamaan kepada penjagaan alam sekitar bagi setiap aktiviti yang ditetapkan.

Tarikh : 2 Januari 2019


.....
ZAMERI BIN UYOB
Pengurus Besar
PKPP Agro Sdn. Bhd.



PKPP AGRO SDN. BHD.

ALAM SEKITAR

DASAR TIADA PEMBAKARAN TERBUKA

Bagi memelihara persekitaran, kesihatan dan kesejahteraan kehidupan, PASB komited untuk mengurangkan kesan rumah hijau melalui :

- Tiada sebarang aktiviti pembakaran dibenarkan di kawasan ladang.
- Memastikan larangan, arahan dan maklumat berkaitan tiada pembakaran terbuka dikomunikasikan kepada kakitangan, pekerja, kontraktor, pelawat dan pihak berkepentingan.
- Menyediakan pelan tindakan kecemasan bagi mengawal pembakaran terbuka dan bekerjasama dengan agensi kerajaan.

Tarikh : 2 Januari 2019


.....
ZAMERI BIN UYOB
Pengurus Besar
PKPP Agro Sdn. Bhd.



PKPP AGRO SDN. BHD.

ALAM SEKITAR

DASAR PENGURUSAN TANAH CURAM, PENGURUSAN TANAH GAMBUT DAN ZON PENAMPAN (RIPARIAN BUFFER ZONE)

PASB komited melindungi Kawasan Tanah Curam, Tanah Gambut dan menyediakan Kawasan Zon Penampan (Riparian Buffer Zone) berdasarkan panduan penanaman kelapa sawit yang ditetapkan oleh Malaysia Palm Oil Board (MPOB) serta undang - undang berkaitan.

Tarikh : 2 Januari 2019

.....

ZAMERI BIN UYOB
Pengurus Besar
PKPP Agro Sdn. Bhd.



PKPP AGRO SDN. BHD.

PENTADBIRAN

GANGGUAN SEKSUAL, KEGANASAN DAN HAK - HAK PEKERJA

PASB bertanggungjawab dan komited dalam memastikan persekitaran kerja yang kondusif, selamat, sihat dan bebas dari gangguan kepada semua kakitangan dan pekerja serta menjaga hak kesamarataan melalui langkah-langkah berikut :

1. Memberi perhatian dan tindakan sewajarnya terhadap sebarang aduan dan gangguan seksual serta keganasan selaras dengan akta dan undang - undang negara.
2. Memastikan keselamatan dan kerahsiaan pengadu dilindungi.
3. Memastikan kakitangan dan pekerja wanita dilindungi hak-hak mereka mengikut Akta Kerja 1955.
4. Memastikan hak-hak kesamarataan dipelihara dan dilindungi untuk semua kakitangan dan pekerja tanpa membezakan agama, keturunan, warna kulit, jantina dan perwatakan.

Tarikh : 2 Januari 2019


.....
ZAMERI BIN UYOB
Pengurus Besar
PKPP Agro Sdn. Bhd.